

venny@uny.ac.id

JILID 17, 2010

ISSN 0128-6048

جورنل فيلولوگي ملايو


J
U
R
N
A
L

FILOLOGI

MELAYU



KEMENTERIAN PENERANGAN
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

Muka Surat

Dari Meja Editor	v
Hikayat Raja Pasai : Sebuah Sorotan Tarikh Penulisannya, Kemasukan Islam di Pascabima dan Pelbagai Ilmu di Dalamnya <i>Shaharir Mohammad Zain</i>	1 - 37
Raksa Dalam Mujaarabat Melayu <i>Yusmilayati Yunos, Noriah Mohamad & Abd. Samad Kechot</i>	39 - 49
Illuminasi Naskhah-Naskhah Minangkabau <i>Zuriati</i>	51 - 71
Sistem Ejaan Jawi Dalam Manuskrip Risalah Hukum Kanun Melaka <i>Adi Yasran & Nurhidayah Jumaat</i>	73 - 91
Surat-Surat Kerajaan Buton Dari Abad XVII – XIX (Aspek Kebahasaan dan Komponen Surat) <i>La Niampe</i>	93 - 105
Revisiting Some of the Trace of Hindu Influence in Indo-Malay Literature <i>Ding Choo Ming</i>	107 - 122
Dua Pucuk Surat Kerajaan Buton Dari Abad Ke-17: Kandungan Isi dan Konteks Sejarah <i>Suryadi</i>	123 - 148
Menjejaki Kepengarangan Lubab Al-Hadith dan Sejarah Perkembangannya di Alam Melayu <i>Muhammad Mustaqim Mohd Zarif</i>	149 - 168
Penglibatan dan Peranan Wanita Dalam Hubungan Melayu-China Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional <i>Norhayati Ab. Rahman</i>	169 - 181
Keindahan Bahasa Dalam Naskhah Serat Wicara Keras Koleksi Muzium Sanabudaya Yogyakarta <i>Venny Indria Ekowati</i> venny@uny.ac.id	183 - 202

VENNY INDRIA EKOWATI
venny@uny.ac.id

**KEINDAHAN BAHASA DALAM NASKHAH
SERAT WICARA KERAS
KOLEKSI MUZIUM SANABUDAYA YOGYAKARTA**

Abstrak

Yasadipura II (YS II) merupakan salah seorang pujangga keraton Surakarta yang banyak menghasilkan karya sastra. Salah satunya *Serat Wicara Keras* yang ditulis pada tahun 1789-1816. Karya ini merupakan luahan kemarahan YS II terhadap keadaan sosial dan politik Surakarta pada masa itu. Perkara yang menarik ialah walaupun naskhah ini merupakan luahan kemarahan, namun aspek-aspek estetis karya sastra tidak dilupakan oleh YS II dalam menggubah karyanya. Unsur-unsur estetis yang dijumpai dalam karya sastra ini termasuklah penggunaan: (1) *tembang Macapat* (puisi tradisional Jawa) sebagai struktur penggubah *WK*, (2) *tembung Saroja*, (3) *tembung Garba* atau *Sandi*, (4) *Sasmita tembang*, (5) pemanjangan suku kata, (6) kosakata Kawi, (7) *purwakanthi*, dan (8) perumpamaan dan istilah-istilah khusus. Penyelidikan ini merupakan gambaran sederhana tentang penggunaan aspek-aspek kesusasteraan Jawa dalam suatu karya sastra akhir abad XVIII.


Pendahuluan

Muzium Sanabudaya ialah salah sebuah muzium milik pemerintah Indonesia yang menyimpan berbagai-bagai koleksi naskhah Nusantara. Tercatat sebanyak 210 naskhah *piwulang* atau ajaran moral, serta ratusan naskhah lain yang bergenre *babad*, *wayang*, *sejarah*, sastra, *primbon*, *musik*, *bahasa*, *Islam*, *hukum*, *cerita wayang*, *tari*, *cerita rakyat* dan lain-lain menjadi koleksi muzium ini (Behrend, 1990). Salah satu tajuk naskhah *piwulang* koleksi Sanabudaya yang mempunyai banyak kelainan ialah *Wicara Keras (WK)*. Banyaknya kelainan naskhah *WK*, mungkin kerana naskhah ini cukup popular dan digemari pada zamannya. Isinya yang menarik, iaitu berupa kritikan sosial, dianggap salah satu penyebab ramai yang tertarik untuk menyalin naskhah ini, dengan matlamat ingin memiliki mahupun ingin melestarikan naskhah tersebut. Hal lain yang menarik ialah penggunaan bahasa yang cukup indah. Jadi, walaupun naskhah ini


merupakan luahan kemarahan, namun ianya tetap disampaikan dengan nilai-nilai estetik yang tinggi. Berbagai-bagai aspek sastra digunakan untuk memperindah penyampaian idea pengarang. Selain itu, pengarang juga memilih *tembang* atau puisi tradisional Jawa untuk mengubah karyanya.

Naskhah *WK*

Naskhah *WK* yang tersimpan di muzium Sanabudaya Yogyakarta merupakan manuskrip yang ditulis dengan bahasa dan aksara Jawa. Naskhah ini ditulis oleh Yasadipura II (YS II), pujangga keraton Surakarta. *WK* ditulis dalam bentuk puisi tradisional Jawa (*tembang*). *Tembang*¹ yang digunakan dalam naskhah *WK* ialah *tembang Cilik* atau *tembang Macapat*. Naskhah ini ditulis mulai tahun 1789 dan selesai pada tahun 1816 di Surakarta. Terdapat lapan perbezaan naskhah *WK* di muzium Sanabudaya. Berikut ini contoh gambar daripada naskhah *WK* di muzium Sanabudaya Yogyakarta.




Gambar 1: Naskhah A




Gambar 1: Naskhah B


¹ Sejenis karangan berangkap (syair dll) yang dinyanyikan, nyanyian; 2. puisi; menembang menyanyikan (melagukan) tem-bang.




Gambar 1: Naskah C




Gambar 1: Naskah D




Gambar 1: Naskah E



Gambar 1: Naskah F



Gambar 1: Naskah G



Gambar 1: Naskah H

Naskah yang akan diselidiki penggunaannya ialah naskah C dengan kod P 20 PB.A.236. Naskah ini merupakan naskah yang lengkap. Tidak seperti naskah A, D, B, dan G yang kurang lengkap isinya. Selain itu, keadaan fizikal naskah C lebih baik daripada naskah yang lain. Huruf-huruf pada naskah C juga lebih mudah dibaca.

Bahasa dalam *Serat WK*

Serat WK merupakan naskah yang mengandungi kemarahan YS II terhadap keadaan Surakarta yang tidak menentu. Walau bagaimanapun *WK* merupakan ekspresi kemarahan, namun bahasa dan pilihan kata yang digunakan tetap indah. YS II mengubah *WK* dalam bentuk *tembang Macapat*. *WK* pada naskah C ditulis dalam sebelas *pupuh* atau *tembang* (Poerwadarminta, 1938: 503). *Pupuh-pupuh* tersebut iaitu *Asmaradana*, *Sinom*, *Dhandhanggula*, *Gambuh*, *Kinanthi*, *Megatruh*, *Pangkur*, *Dhandhanggula*, *Kinanthi*, *Gambuh*, dan *Sinom*.

Penggunaan berbagai-bagai jenis *tembang Macapat* pada *Serat WK* membuat *serat* ini lebih menarik kerana pelbagai dan tidak membosankan. Setiap *pupuh* memuatkan satu dasar pemikiran yang berbeza dengan *pupuh* yang lain. Untuk mengarang suatu *tembang*, diperlukan pengetahuan yang mendalam mengenai bahasa, sastera, dan budaya Jawa. Oleh kerana itu, untuk menulis

tembang seorang pengarang harus mengikuti aturan-aturan *tembang Macapat* yang akan ditulis, yaitu mengenai *guru lagu*, *guru wilangan*, dan *guru gatra*. *Guru wilangan* ialah jumlah suku kata yang ada dalam satu baris *tembang*. *Guru lagu* atau sering disebut *dhong-dhing* ialah mengenai vokal di akhir baris. Sedangkan *guru gatra* ialah jumlah baris dalam suatu rangkap *tembang*.

Tembang macapat atau *tembang cilik* menurut Padmosoekatjo (1953: 12) terdiri daripada *Kinanthi*, *Pucung*, *Asmaradana*, *Mijil*, *Maskumambang*, *Pangkur*, *Sinom*, *Dhandhanggula*, dan *Durma*. Masing-masing *tembang* tersebut mempunyai ciri yang berbeza. Adapun ciri *guru gatra*, *guru wilangan*, dan *guru lagu* daripada setiap *tembang* adalah seperti berikut:

- 1) *Kinanthi* : 8u, 8i, 8a, 8i, 8a, 8i (*guru gatra* = 6)
- 2) *Pucung* : 12u, 6a, 8i, 12a (*guru gatra* = 4)
- 3) *Asmaradana* : 8i, 8a, 8e(o), 8a, 7a, 8u, 8a (*guru gatra* = 7)
- 4) *Mijil* : 10i, 6o, 10e, 10i, 6i, 6u (*guru gatra* = 6)
- 5) *Maskumambang* : 12i, 6a, 8i, 8a (*guru gatra* = 4)
- 6) *Pangkur* : 8a, 11i, 8u, 7a, 12u, 8a, 8i (*guru gatra* = 7)
- 7) *Sinom* : 8a, 8i, 8a, 8i, 7i, 8u, 7a, 8i, 12a (*guru gatra* = 9)
- 8) *Dhandhanggula* : 10i, 10a, 8e, 7u, 9i, 7a, 6u, 8a, 12i, 7a (*guru gatra* = 10)
- 9) *Durma* : 12a, 7i, 6a, 7a, 8i, 5a, 7i (*guru gatra* = 7)

Misalnya untuk *tembang Kinanthi*, 8u bererti *tembang* tersebut pada baris pertama mesti terdiri daripada lapan suku kata, dan baris terakhir mesti diakhiri dengan vokal "u". Selain itu, jumlah baris dalam satu rangkap mesti 6 baris.

Adanya aturan-aturan penulisan *tembang*, menyebabkan seorang penulis *tembang* mesti memilih kosakata yang sesuai dan tidak menyimpang daripada ciri-ciri *tembang* yang berlaku. Perkara ini merupakan sesuatu yang sukar. Adakalanya satu perkataan tidak boleh digunakan kerana penggunaannya tidak sesuai dengan *guru wilangan* ataupun *guru lagu*. Oleh itu penulis mesti kaya dengan kosakata yang boleh mengganti kosakata yang tidak sesuai dengan ciri-ciri yang telah ditentukan. Kosakata pengganti tersebut juga tidak boleh menyimpang daripada makna yang dijangka. Selain penggunaan aturan di atas, penulis juga mesti menggunakan rasa dan mindanya dalam mengolah bahasa. Penggunaan bahasa indah atau bahasa sastera serta bahasa Kawi² disarankan dalam penulisan *tembang* untuk menambah unsur keindahan.

Selain mempunyai aturan-aturan *tembang*, setiap jenis *tembang Macapat* juga mempunyai sifat tersendiri. Biasanya watak inilah yang mempengaruhi atau tidaknya suatu *tembang* dalam acara tertentu. Padmosoekatjo (1953: 13) mengemukakan watak *tembang Macapat* adalah seperti berikut:

² a) bahasa Jawa kuno; b) bahasa Jawa yang biasa dipakai dalam kesusasteraan, bahasa pujangga.

- 1) *Kinanthi* mempunyai watak gembira, senang, cinta kasih. *Tembang* ini biasanya digunakan untuk menyampaikan *piwulang* 'ajaran' dan cerita cinta.
- 2) *Pocung* berwatak *kendho* 'longgar', *gregeten*, 'menggemaskan'. *Tembang* ini biasanya digunakan untuk menyampaikan sesuatu yang lucu dan sesuka hati.
- 3) *Asmaradana* mempunyai watak sedih kerana cinta, biasanya digunakan dalam cerita cinta.
- 4) *Mijil* berwatak himbauan³, sesuai digunakan untuk menyampaikan nasihat.
- 5) *Maskumambang* berwatak *nelangsa* 'memilukan'. Menunjukkan perasaan sedih dan memilukan.
- 6) *Pangkur* berwatak *sereng*, 'kuat'. Digunakan untuk menceritakan sesuatu yang kuat dan cinta yang menyala-nyala.
- 7) *Sinom* berwatak *grapyak* 'ramah', *renyah*, 'lincah'. Sesuai untuk nasihat dan pengajaran.
- 8) *Dhandhanggula* berwatak *luwes* 'fleksibel'. Sesuai untuk menyampaikan berbagai-bagai hal. Juga dapat digunakan dalam apa-apa suasana pun.
- 9) *Durma* berwatak keras, marah. *Tembang* ini biasanya digunakan untuk menyampaikan suasana marah dan cerita perang.

Keindahan bahasa dalam naskhah *serat WK* selain diwujudkan dalam penggunaan *tembang*, juga wujud dalam penggunaan aspek-aspek sastera di dalamnya. Beberapa aspek sastera yang digunakan YS II dalam mengubah karyanya iaitu:

Tembung Saroja

Tembung Saroja ialah kata ganda, iaitu dua perkataan yang sama atau hampir sama maknanya lazimnya digunakan secara bersamaan. Misalnya perkataan *wadya bala*. Perkataan *wadya* = kawan, *bala* = kawan. Kemudian dua perkataan ini digunakan secara bersamaan menjadi perkataan *wadya bala*. *Tembung saroja* secara am bermakna sesuatu yang amat atau berlebih-lebihan. Misalnya *tembung saroja bodho muda*. Perkataan *bodho* = bodoh, *muda* = bodoh. Jika digabungkan menjadi *bodo muda* yang bererti sangat bodoh atau amat bodoh (Padmosoekatjo, 1953: 24). YS II juga menggunakan *tembung saroja* dalam penulisan naskhah *serat WK*. Penggunaan *tembung saroja* dimaksudkan untuk memperindah *tembang*. Beberapa contoh penggunaan *tembung saroja* dalam *serat WK* dapat dilihat dalam Jadual 1.

³ panggilan; ajakan; seruan

No.	Penggunaan <i>Tembung Saroja</i>	Rangkap, Baris
1.	<i>dene laku punika andhap asor dumungipun</i> 'laku itu letaknya dalam sopan-santun'	23, 6
2.	<i>suprandene kena ing papa cintraka</i> 'masih lagi merasakan kesengsaraan'	35, 9
3.	<i>nora melu lara lapa</i> 'tidak ikut bersusah payah'	37, 3
4.	<i>laku saba</i> ing wanadri 'pergi ke hutan belantara'	165, 7
5.	<i>lir wong muruk sato kewan</i> 'seperti mengajar haiwan'	296, 3
6.	<i>tata cara laku alam warna-warna</i> 'macam-macam kejadian yang berlaku di alam semesta'	296, 9
7.	<i>suba sita reringa wentarane dipunkesthi</i> 'sopan-santun dan berhati-hati'	298, 7

Jadual 1: Penggunaan *Tembung Saroja* dalam *WK****Tembung Garba* atau *Sandi***

Tembung garba iaitu dua perkataan atau lebih yang dirangkai menjadi satu, sehingga jumlah suku katanya berkurang. *Tembung garba* merupakan salah satu cara yang dilakukan oleh pengarang untuk memendekkan jumlah suku kata, sehingga dapat memenuhi aturan jumlah suku kata dalam satu baris *tembang* (*guru wilangan*). *Tembung garba* memang lazim digunakan dalam *tembang*. YS II juga menggunakan salah satu bentuk kesasteraan Jawa ini dalam *Serat WK*. Beberapa contoh penggunaan *tembung garba* dalam *serat WK* dapat dilihat dalam Jadual 2.

No.	Penggunaan <i>Tembung Garba</i>	Asal Kata	Rangka, Baris
1.	<i>pengrasane suwargadi</i> 'perasaannya seperti syurga yang indah'	<i>suwarga + adi</i>	29, 4
2.	<i>cipteng tyas wus tan susah</i> 'dan dalam hatinya tidak merasakan ikut menderita'	<i>cipta + ing</i>	67, 6
3.	<i>sukeng tyas mangalembana</i> 'semua menyukai dan menyanjungnya'	<i>suka + ing</i>	153, 6
4.	<i>prapteng mangke kang kalebu ing tulis</i> 'sampai sekarang yang tercatat'	<i>prapta + ing</i>	162, 2
5.	<i>yeku tirunen prayoga</i> 'oleh itu tirulah yang perlu ditiru'	<i>ya + iku</i>	168, 8
6.	<i>ingkang sampun prawireng ngayuda</i> 'yang sudah menjadi pahlawan perang'	<i>prawira + ing</i>	179, 2

7.	<i>ing kang samya durakeng Widi</i> 'yang bersama-sama menderhakai Tuhan'	<i>duraka + ing</i>	204, 5
8.	<i>tur enggone aneng suwargadi</i> 'dan lagi syurgalah tempatnya'	<i>ana + ing</i>	206, 1
9.	<i>dadi kawuleng Hyang Suksma</i> 'menjadi hamba Tuhan'	<i>kawula + ing</i>	206, 8
10.	<i>marma den prayitneng batin</i> 'oleh itu tanamkanlah rasa waspada di dalam hati'	<i>prayitna + ing</i>	223, 6
11.	<i>den landhep graiteng budi</i> 'mesti tajam dalam memahami isi hati'	<i>graita + ing</i>	228, 2
12.	<i>ngucap ngaku mengkurat kang murbeng ngalam</i> 'mengakui dirinya sebagai orang yang menguasai alam semesta'	<i>murba + ing</i>	293, 9
13.	<i>patang prakeru yekti</i> 'turutilah empat perkara ini'	<i>prakara + iku</i>	297, 2
14.	<i>paes kang tibeng sarik</i> 'melihat keindahan dunia yang akan mendatangkan kemalangan'	<i>tiba + ing</i>	300, 2

Jadual 2: Penggunaan *Tembang Garba* dalam *WK***Sasmita Tembang**

Sasmita tembang iaitu perkataan, kelompok perkataan, ataupun ayat yang memberi petunjuk tentang nama *pupuh tembang* yang akan digunakan berikutnya. *Sasmita tembang* selain digunakan untuk mengenalpasti nama *tembang*, juga digunakan untuk memberi petunjuk kepada orang yang melagukan *tembang* agar bersiap-sedia untuk melagukan jenis *tembang* yang berbeza dengan *tembang* sebelumnya. *Sasmita tembang* biasanya terletak pada baris terakhir rangkap terakhir sesuatu *tembang*, sebelum berganti dengan *pupuh tembang* yang lain. Boleh juga diletakkan pada baris pertama *pupuh tembang* yang baharu. *Sasmita tembang* biasanya juga merupakan padanan perkataan atau sinonim daripada nama *tembang* yang akan digunakan selanjutnya. Contohnya ialah:

mula purwanipun 'oleh itu awalnya ialah'
amunggal karsaning titah 'bersatunya keinginan seorang hamba'
ala ayu wus tinitah Batharadi 'buruk, cantik merupakan takdir Bathara'
liring yudakanaka 'seperti yudakanaka'

Pupuh di atas merupakan bahagian daripada *pupuh Dhandanggula*. Kemudian pada rangkap terakhir *tembang* terdapat perkataan *yudakanaka*. Perkataan ini merupakan petunjuk nama *pupuh tembang* berikutnya. Walaupun nama *pupuh tembang* tidak disebutkan secara jelas, namun perkataan tersebut mengandungi makna *pupuh tembang* berikutnya. Oleh sebab kadang-kala nama

tembang berikutnya tidak disebut dengan jelas, maka petunjuk seperti ini disebut dengan *sandi* 'rahsia, samar-samar'. Misalnya perkataan *yudakanaka* berasal daripada dua patah perkataan, yaitu *yuda* dan *kanaka*. *Yuda* bererti 'perang', dan *kanaka* bererti 'kuku'. Jadi *yudakana* bererti kuku-kuku yang berperang. Kuku-kuku yang berperang ertinya sedang menggaru-garu atau dalam bahasa Jawa disebut *kukur-kukur*. *Kukur-kukur* mengandung suku kata *kur*. Suku kata ini sama dengan suku kata akhir perkataan *Pangkur*. Oleh itu, perkataan *yudakanaka* merupakan petunjuk bahawa *tembang* berikutnya yang akan dilagukan ialah *tembang Pangkur*.

Contoh lain yang menggunakan sinonim untuk *sasmita tembang* antaranya ialah *jalak pita gagak ules wilis* 'burung kuning tertutup putih'. Perkataan *gagak* sinonim dengan kata *dhandhang*. Perkataan ini merupakan petunjuk bahawa *tembang* berikutnya yang akan digunakan ialah *Dhandhanggula*. Ayat *ing sabda srinata mudha* 'sabda seorang raja muda' juga merupakan contoh *sasmita tembang*. Perkataan *mudha* sinonim dengan kata *anom*. Oleh itu perkataan ini memberi petunjuk bahawa *tembang* yang akan dilagukan selanjutnya ialah *Sinom*.

Selain sinonim, *sasmita tembang* juga menggunakan perkataan yang mengandung hubungan atau kaitan dengan nama *tembang*. Contohnya *tiwas tanpa madu* 'mati tanpa madu'. *Kandha rinenggeng hartati* 'ucapan yang dihiasi dengan manisnya gula'. Madu mempunyai kaitan dengan makna manis, *hartati* juga bererti manis. Manis merupakan sifat yang sama dengan *gula*. Oleh itu, jika suatu *tembang* pada akhir *pupuh*-nya diakhiri dengan kata *madu*, maka *tembang* selanjutnya yang akan dilagukan ialah *Dhandhanggula*.

Sasmita tembang juga sering kali ditulis dengan cara menulis perkataan yang hampir sama bunyi suku kata, baik suku kata awal mahupun akhir dengan nama *tembang* yang akan dilagukan selanjutnya. Contohnya ialah *saksana Raden Anoman* 'kemudian dengan cepat datanglah Raden Anoman'. Perkataan *anoman* merupakan petunjuk bahawa *tembang* berikutnya yang akan dilagukan ialah *tembang Sinom*. *nubruk saking pungkur* 'menubruk dari belakang'. Kata *pungkur* merupakan petunjuk *tembang Pangkur*. *Kinantha kanthinira* 'digandingnya', kata *kanthi* merupakan petunjuk *tembang Kinanthi*. Berikut ini merupakan beberapa contoh *sasmita tembang* yang dikumpulkan oleh R.S. Subalidinata (1981: 41-46).

No.	Nama <i>Tembang</i>	Bunyi <i>Sasmita Tembang</i>
1.	Dhandhanggula	<i>manis, madu manis, gagak, hartati, sarkara, guladrawa, dhandhang, andhandhang sarkara, dhinandhang, ndhandhang.</i>
2.	Sinom	<i>tumaruna, srinata, roning kamal, logondhang, sinom ingayun, anom respati, Anoman, taruni, weni, mudha</i>

No.	Nama <i>Tembang</i>	Bunyi <i>Sasmita Tembang</i>
3.	Pangkur	<i>kapungkur, mingkar-mingkur, kukur-kukur, wuntat, pungkur, kenaka, wuri, mungkur, sapengkernya, wingking</i>
4.	Asmaradana	<i>kasmaran, nawung brangti, rarasing kingkin, raras ati, satyasmara, brangta</i>
5.	Durma	<i>mundur, undurana, kunduran, kondur, ngunduri, angunduri, kadurmaning</i>
6.	Mijil	<i>wijiling, rarasati, mijil, miyos, kawijil</i>
7.	Kinanthi	<i>kanthi, kanthining, gandhengan, anganthi, kanthinira</i>
8.	Maskumambang	<i>kambang-kambang, kumambang, kinambang, timbul ing warih, mas kentir, kentar, ngemasi</i>
9.	Pocung	<i>pucung, pinucung, ancung, amucung, kaluwak, pamucunging,</i>
10.	Gambuh	<i>nggambuh, wimbuh, gegambuhan, tambah</i>
11.	Megatruh	<i>pegat, truk, anduduk, duduk wuluhe</i>

Jadual 3: Contoh-contoh *Sasmita Tembang*

Penggunaan *sasmita tembang* dalam *serat WK* dapat dilihat dalam jadual berikut:

No.	Bunyi Baris yang Mengandung <i>Sasmita Tembang</i>	Nama <i>Tembang</i>	Rangkap Baris
1.	<i>branta</i> utama jalma 'branta manusia utama dan manusia yang agung'	<i>Asmarada</i>	1, 1
2.	wong <i>anom</i> ywa ngucap keras 'anom jangan bercakap kasar	<i>Sinom</i>	27, 7
3.	<i>sirna ilang cinucuk ing peksi</i> 'musnah dipatuk burung'	<i>Dhandhanggula</i>	53, 1
4.	<i>kadya wus agambuh</i> 'seperti sudah bersatu'	<i>Gambuh</i>	80, 1
5.	<i>kinanthi</i> ing purwanipun 'diawali dengan <i>tembang Kinanthi</i> '	<i>Kinanthi</i>	106, 1
6.	yen <i>megatruh</i> gra ja lali 'jika <i>megatruh</i> jangan sampai lupa'	<i>Megatruh</i>	128, 6
7.	aja <i>mungkur</i> kautaman 'jangan meninggalkan keutamaan'	<i>Pangkur</i>	152, 1

8.	<i>ilang manising negari</i> 'hilanglah keindahan suatu negara'	<i>Dhandhanggula</i>	167, 7
9.	<i>kanthine bocah angepluk</i> 'mengganding budak pemalas'	<i>Kinanthi</i>	213, 1
10.	<i>ginembuh kang sedya ayun</i> 'bersatu dengan yang diniatkan'	<i>Gambuh</i>	248, 1
11.	<i>sinome lagya branta</i> 'anak muda yang sedang bercinta'	<i>Sinom</i>	283, 1

Jadual 4: Contoh-contoh *Sasmita Tembang* dalam *serat WK*

Pemanjangan Suku Kata

Salah satu ciri penulisan *tembang* tradisional Jawa ialah adanya aturan *guru wilangan*. Aturan ini mengatur jumlah suku kata yang mesti diikuti oleh penulis *tembang*. Demi memenuhi aturan ini, seorang pengarang mesti menguasai teknik-teknik menulis *tembang*. Salah satu teknik yang sering digunakan untuk memenuhi aturan *guru wilangan* ialah pemanjangan suku kata. Teknik ini digunakan dengan cara memanjangkan suatu perkataan yang mengandungi dua konsonan yang letaknya berturutan dengan penambahan vokal di antara dua konsonan tersebut. Contoh penggunaan teknik ini dalam *Serat WK* iaitu seperti berikut:

No.	Kata	Hasil Pemanjangan Kata	Rangkap, Baris
1.	<i>slamete</i>	<i>selamete</i> 'keselamatannya'	2, 2
2.	<i>swarga</i>	<i>suwarga</i> 'syurga'	29, 4

Jadual 5: Contoh Pemanjangan Kata dalam *serat WK*

Penggunaan Kosakata Kawi

Kosakata *Kawi* merupakan kata-kata yang berasal daripada kosakata dalam bahasa Sansekerta (Sanskrit) mahupun bahasa Jawa Kuno yang setakat ini masih boleh ditemui dalam kosakata bahasa Jawa Baru, terutamanya dalam sastera Jawa yang berbentuk *tembang*. Menurut S. Padmosoekotjo (1953: 18), seorang pengarang *tembang* yang baik *wenang* menggunakan bahasa Kawi. *Wenang* bererti boleh menggunakan kata-kata Kawi, namun boleh juga tidak menggunakan.

Keindahan *tembang* memang tidak sepenuhnya tergantung kepada wujud atau tidak kosakata Kawi tersebut di dalam *tembang*. Tetapi jika satu *tembang*

tidak menggunakan kosakata Kawi, maka terasa akan ada yang kurang dalam *tembang* tersebut, seperti sayur yang kekurangan garam. Tetapi *tembang* yang terlalu banyak kosakata Kawi-nya juga bukan merupakan *tembang* yang baik, apalagi jika takrifan makna kosakata tersebut sudah tidak difahami oleh masyarakat pada masa kini. Malah *tembang* tersebut akan menjadi karangan yang tidak boleh difahami dan tidak menarik. Oleh itu, *tembang* yang baik mesti juga menggunakan kosakata Kawi, tetapi jangan terlalu banyak. Selain itu, kosakata Kawi yang digunakan juga mesti diketahui maknanya oleh pembaca.

Fenomena penggunaan kosakata Kawi menurut Behrend (1995: 362), merupakan ciri gerakan kesasteraan Surakarta, yang dipelopori oleh Yasadipura I pada abad XVIII. Jadi, penggunaan kosakata Kawi, majoriti dijumpai pada teks-teks yang ditulis mahupun disalin pada abad XVIII dan sesudahnya. Rupanya fenomena yang kemungkinan dimulakan oleh YS II ini juga diikuti oleh YS II. YS II dalam naskah *serat WK* juga menggunakan kosakata Kawi untuk memperindah *tembang* yang ditulisnya. Beberapa kosakata Kawi yang digunakan oleh YS II dalam karyanya dapat dilihat dalam jadual berikut:

No.	Baris yang Mengandungi Kosakata Kawi	Rangkap, Baris
1.	<i>ywa sira den kaduk sihe</i> ‘jangan kasar dan berilah kasih sayang yang berlimpah’	5, 3
2.	<i>dora tumurun ing wuri</i> ‘(kekayaan) tidak akan abadi sampai akhir’	12, 1
3.	<i>narima mring kang murba</i> ‘terimalah itu sebagai kurnia Yang Kuasa’	13, 6
4.	<i>lamun lali ing nala</i> ‘jika lupa kepada kata hati’	22, 5
5.	<i>pan wus kocap wong sabar nalikung setan</i> ‘memang sudah lumrah jika orang yang sabar dapat mengalahkan setan’	28, 9
6.	<i>aja dumeh yen awirya</i> ‘jangan mentang-mentang keturunan luhur’	33, 1
7.	<i>duk Kyai Ageng ing Sela</i> ‘sejak Kyai Ageng di Sela’	36, 3
8.	<i>wanine mung padha rowang</i> ‘berani hanya dengan kawan sendiri’	46, 1
9.	<i>suwaka nglurug yuda</i> ‘mengajak berperang’	59, 7
10.	<i>senadyan prapteng pralaya</i> ‘walaupun sudah meninggal’	159, 1

Jadual 6: Contoh Penggunaan Bahasa Kawi dalam *serat WK*

Penggunaan Purwakanthi

Purwakanthi merupakan salah satu permainan bunyi yang sering digunakan dalam *tembang*. *Purwakanthi* dibentuk dengan cara menggandingkan bunyi vokal mahupun bunyi konsonan yang telah disebut dalam bahagian ayat di depan. *Purwakanthi* boleh disamakan dengan sajak. Subalidinata (1981: 60-62), menyatakan terdapat tiga jenis *purwakanthi*, iaitu *purwakanthi guru swara*, *guru sastra*, dan *lumaksita*. Berikut adalah penjelasan bagi perkara tersebut:

- a. *Purwakanthi guru swara*, iaitu persamaan bunyi pada bunyi vokal. Contoh *purwakanthi guru swara*, *setya budya pangekese dur angkara* 'budi pekerti yang baik menghancurkan angkara murka'
Ayat di atas kelihatan lebih indah kerana adanya bunyi sajak yang mengulangi bunyi vokal "a" daripada perkataan yang paling hadapan kepada perkataan-perkataan lain di belakangnya.
- b. *Purwakanthi guru sastra*, iaitu persamaan bunyi pada bunyi konsonan. Kerap kali disebut dengan istilah aliterasi⁴ atau *sastra milir*. Contohnya ialah:
rinipteng puspita rineh, rinuruh wosing ruwiya 'digubah dalam bentuk *tembang* dalam usaha untuk mencari maksud cerita'
Ayat di atas diperindah oleh pengulangan konsonan "r", inilah yang disebut dengan *purwakanthi guru sastra*.
- c. *Purwakanthi lumaksita* disebut juga dengan sajak berkait. *Purwakanthi* jenis ini dibentuk dengan cara mengulang baik satu suku kata, bahagian suku kata tertentu, mahupun kata untuk memperindah bunyi. Hasil pengulangan biasanya diletakkan pada baris berikutnya. Contoh *purwakanthi lumaksita* iaitu *yen lumintu uga dadi laku, laku agung kang kagungan narapati* 'jika mendapat balasan juga akan menjadi usaha, usaha agung milik raja'

Purwakanthi merupakan salah satu aspek sastera Jawa yang lazim digunakan dalam penulisan sastera Jawa, baik dalam *tembang* sebagai puisi Jawa tradisional, mahupun dalam puisi Jawa moden (Subalidinata, 1981: 62). *Purwakanthi* berfungsi memperindah puisi, dan memberikan penekanan terhadap hal ehwal yang dianggap penting oleh penulis. Contoh-contoh *purwakanthi* yang terdapat dalam *serat WK*, dapat dilihat dalam jadual berikut.

⁴ Pengulangan bunyi atau huruf pertama pada beberapa perkataan yang berturutan (dalam sesuatu baris, terutamanya dalam sajak) seperti derup derap.

No.	Baris yang Mengandung Purwakanthi <i>Guru Swara</i>	Rangkap, Baris
1.	<i>wuwus datan kaurus</i> 'ucapan yang tidak terjaga'	72, 4
2.	<i>lawan lawas nuli tinarima</i> 'dan akhirnya dapat menerima'	75, 2
3.	<i>geter pater dhedhet tedhuh</i> 'suara gemlegar daripada suatu prahara sudah mulai tenang'	108, 1
4.	<i>galenggem gegem agem</i> 'menggegamnya dengan tangan dengan hati-hati'	254, 4
5.	<i>katutupan kepatuh katutuh ngalam</i> 'tertutup, dan terbiasa terkena kemarahan alam'	291, 9

Jadual 7: Contoh *Purwakanthi Guru Swara* dalam *serat WK*

No.	Baris yang Mengandung Purwakanthi <i>Guru Sastra</i>	Rangkap, Baris
1.	<i>...boros marang ngarta grasa ...</i> 'sifat boros dan serakah demi wang'	12, 2
2.	<i>den anganggowa nora nasar ambelasar</i> 'jika ditaati tidak akan tersesat'	37, 9
3.	<i>ting kalethek ting kuthuwil ting pethakil</i> 'dipenuhi kotoran, dipenuhi hasrat untuk jahil dan bersikap tidak sopan'	99, 3
4.	<i>tan ruruh ngaruh-ngaruhi</i> 'sama sekali tidak menyapa'	108, 2
5.	<i>katula ketali-tali</i> 'sangat sengsara'	109, 6
6.	<i>kasurang-surang kasarang</i> 'akan hidup sengsara'	124, 3
7.	<i>genjah jajale ajujul</i> 'dan perkara yang menyebabkan masalah'	248, 4
8.	<i>luwih angel ingkang durung simung</i> 'lebih sukar yang belum mengerti'	249, 2

Jadual 8: Contoh *Purwakanthi Guru Swara* dalam *serat WK*

No.	Baris yang Mengandung Purwakanthi Lumaksita	Rangkap, Baris
1.	<i>muni temen lawan nyata, nyataring solah tingkah</i> 'berbicara yang benar dan sungguh-sungguh, juga bertingkah laku nyata'	1, 4 dan 5
2.	<i>asihe mring wong kasihan</i> 'kasih dan sayangilah orang yang disayangi'	5, 7
3.	<i>anggur ta nganggura bae</i> 'lebih baik menganggur sahaja'	19, 3
4.	<i>jinalukan aja njaluk</i> 'jadilah orang yang selalu bersedekah. Jangan jadi orang yang selalu meminta'	24, 6
5.	<i>kurang asih marang ing dasih</i> 'kurang peduli pada saudara mara dan sanak keluarga'	67, 5
6.	<i>ting kalethek ting kuthuwil ting pethakil</i> 'dipenuhi kotoran, dipenuhi hasrat untuk jahil dan bersikap tidak sopan'	99, 3
7.	<i>dipunsareh ing reh dipunrilih</i> 'dalam berbicara sabar, tingkah laku teratur'	185, 1

Jadual 9: Contoh Purwakanthi Lumaksita dalam serat WK

Penggunaan Perumpamaan dan Istilah Khusus

Serat WK walaupun konteksnya merupakan suatu tentangan sosial, namun sebagai karya sastra ia adalah sesuatu yang diambil berat akan keindahannya. YS II, mencipta karya ini dilengkapi dengan perumpamaan-perumpamaan dan penggunaan istilah-istilah yang biasa digunakan dalam sesuatu karya sastra. Beberapa contoh perumpamaan dan istilah khusus yang digunakan dalam serat WK boleh dilihat dalam jadual berikut:

No.	Istilah atau Perumpamaan	Rangkap, Baris
1.	<i>rembes madu apa dene*</i>	7, 3
2.	<i>sapa sira sapa ingsun*</i>	33, 6
3.	<i>banda tangan*</i>	50, 9
4.	<i>durung bisa mijet woh ranti*</i>	56, 5
5.	<i>dene bala Kurawa, gumulung kadya lun, lir banjir bandhang lautan, banjir wukir ji tus Kurawa ngerobi*</i>	73, 6-10

No.	Istilah atau Perumpamaan	Rangkap- Baris
6.	<i>iku wung kumprung pengung, mulanira salaman salumun, yen mengkono nora pantes dadi gusti, pantese mung dadi inthuk, neng delanggung dadi ngeset*</i>	101, 1-5
7.	<i>nadyan oleh sayektine kecut, enak kang mateng neng uwit, upamane duren kakum, senadyan ambune wangi, rasane anyep kemawon*</i>	133, 1-5
8.	<i>tapa iku minangka reragi, saenggone ngelmu lamulaman, yekti tan eca rasane, yen ora nganggo bumbu, brambang bawang uyah terasi, dadi adhem kewala, becik kaduk bumbu, ketemu rasaning ulam, laos asem kaluwake aja lali, yen sira arsa mindhang. 'Bertapa itu diumpamakan sebagai ragi jika dalam ilmu masak-memasak daging. Tentu tidak lezat rasanya jika tidak memakai perencah, bawang merah, bawang putih, garam, dan belacan mesti tidak ada rasanya. Lebih baik lebihkan perencah, pasti akan lezat rasa dagingnya. Laos, asam, dan kaluwak jangan lupa. Jika kamu ingin memasak pindhang'.</i>	209
9.	<i>rasa mindhang mrih padhanging ati, laos iku poma dipunawas, kaluwak marang badane, asem puniku kawruh, ingkang becik kudu densemi, uyah berambang bawang, terasi puniku, pepaesanireng badan, ala becik sedaya sampun mepaki, luwih pambudenira 'Rasa pindhang supaya hatimu terang. Laos itu melambangkan nasihat untuk berjaga-jaga dan waspada. Kaluwak itu sama dengan awak 'badan', asem itu ilmu pengetahuan. Yang baik mesti dijaga agar bertunas, garam, bawang merah, bawang putih, dan belacan ialah hiasan pada badan kita. Jika semuanya sudah lengkap, maka kita akan mempunyai budi pekerti yang baik dan unggul'</i>	210
10.	<i>batin iku minangka bumi, kang gumelar aneng alam donya, iya aneng sira kabeh, yen sira ayun weruh 'batin manusia seumpama bumi, yang digelar di dunia ini, dan berada di dalam diri kamu sekalian, jika kamu mampu melihatnya'</i>	211, 1-4
11.	<i>tumbak cucukan*</i>	265, 3

Jadual 10: Contoh Istilah atau Perumpamaan Khusus dalam serat WK

*) maksud dipaparkan di bahagian bawah jadual

Contoh-contoh di atas, merupakan istilah-istilah khusus yang biasa digunakan dalam karya sastra Jawa. Beberapa contoh istilah yang digunakan dalam *serat WK* boleh dilihat pada jadual di atas, dinombor 1 - 4 dan nombor 11.

(i) *Rembesing Madu*

Madu ialah cecair manis yang berasal daripada madu bunga yang diproses oleh lebah dan pekerja menjadi madu dan disimpan dalam sel-sel sarang lebah (<http://maduperhutani.com/index.htm>). Madu sangat bermanfaat bagi manusia kerana mengandungi zat-zat yang berguna bagi kesihatan. Madu dapat meningkatkan stamina tubuh, mencegah manusia daripada terdedah kepada bakteria dan cendawan. Madu juga boleh digunakan sebagai kosmetik untuk merawat kulit. Madu menjadi cecair yang amat berguna. Madu merupakan lambang untuk sesuatu yang cantik, elok, manis, dan sebagainya. Oleh itu, para sasterawan Jawa menggunakan istilah *rembesing madu* 'rembesan madu' untuk menyebut seseorang yang masih mempunyai pertalian darah dengan raja. Kerana seorang raja ialah keturunan mulia yang baik dan sangat penting fungsinya bagi rakyat sama seperti madu yang mempunyai banyak manfaat.

(ii) *Sapa Sira Sapa lingsun*

Istilah ini termasuk dalam *kagunan* atau bentuk kesusasteraan Jawa yang disebut dengan *paribasan*. Paribasan ialah ayat atau kumpulan perkataan yang tersusun. Paribasan dikiaskan dengan maksud tertentu (Subalidinata, 1981: 86). *Sapa sira sapa lingsun* bererti 'siapakah kamu dan siapakah saya'. Istilah ini merupakan istilah yang juga lazim digunakan dalam karya sastra Jawa. *Paribasan* ini merupakan suatu bimbingan untuk meletakkan seseorang sesuai dengan kedudukannya. *Sapa sira* bererti siapakah kamu. Jadi dalam tahap sosial, kita mesti ingat apa kedudukan kita. Apakah kita orang atasan atau bawahan, apakah kita orang muda atau orang yang sudah tua. Maksudnya kita sedar siapakah diri kita dan siapakah orang-orang yang berhubungan dengan kita. Sedar akan kedudukan dan menjalinkan hubungan yang harmoni dengan orang lain.

(iii) *Banda Tangan*

Banda tangan termasuk dalam paribasan. *Banda* bererti 'ikat' atau mengikat. Jadi *banda tangan* bererti mengikat tangan. Istilah ini digunakan untuk menyebut orang yang tidak mahu membantu pekerjaan orang lain, duduk sahaja, scolah-olah tangannya terikat. Istilah ini biasanya digunakan untuk bentuk sindiran.

(iv) *Durung Bisa Mijet Woh Ranti*

Ranti ialah nama sejenis tumbuhan yang dalam bahasa Melayu yang sering disebut dengan meranti. Nama latinnya ialah *Shorea*. Buah meranti dapat dilihat pada gambar di bawah ini.



sumber:

Soerianegara dan Lemmens dalam <http://bebasbanjir2025.wordpress.com>

Mijet wohing ranti bererti memijak buah ranti. Buah *ranti* sangat mudah dipijak, kerana buahnya sangat empuk. Istilah ini dalam kesusasteraan Jawa ialah *bebasan*, iaitu suatu ucapan yang tetap penggunaannya, mengandungi erti kias, dan mengandungi erti perbandingan (Subalidinata, 1981: 86). *Bebasan* ini merupakan sindiran bagi orang yang sombong. Orang tersebut dikatakan *durung bisa mijet wohing ranti*. Ertinya dia disindir kerana sombong, padahal untuk mengerjakan sesuatu yang sangat mudah (dilambangkan seperti mudahnya memijak buah *ranti*) sahaja belum mampu dilakukannya. *Bebasan* ini dikenali secara meluas dan sering digunakan dalam penulisan kesusasteraan Jawa.

(v) *Tumbak Cucukan*

Istilah ini juga termasuk *bebasan*. *Tumbak cucukan* merupakan sindiran bagi orang yang suka mengadu.

Selain istilah-istilah di atas, YS II juga menggunakan perumpamaan-perumpamaan yang disusunnya sendiri. Contoh perumpamaan yang digunakan dapat dilihat pada jadual di atas, pada nombor 5-10. Beberapa di antaranya akan diberikan pembahasan sebagai contoh.

(i) *dene bala Kurawa, gumulung kadya lun, lir banjir bandhang lautan, banjir wukir ji tus Kurawa ngerobi*

Perumpamaan di atas bererti 'sedangkan kawan Kurawa, bergulung seperti ombak, seperti banjir besar di lautan, banjir di gunung (pasukan) satu berbanding seratus, askar Kurawa semakin lama semakin banyak'. Perumpamaan ini menggambarkan peperangan yang tidak seimbang antara Pandawa dengan Kurawa. Untuk memperindah dan memberikan gambaran tentang banyaknya askar Kurawa, penulis menggunakan perumpamaan seperti ombak dan banjir untuk menggambarkan keadaan.

(ii) *iku wong kumprung pengung, mulanira salaman salumun, yen mengkono nora pantes dadi gusti, pantese mung dadi inthuk, neng delanggunng dadi ngeset.*

Perumpamaan di atas bererti 'itulah orang yang bodoh, ianya suka masuk tanpa izin dan bersikap tidak berfikir terlebih dahulu, orang seperti itu tidak sesuai menjadi pemimpin, hanya sesuai menjadi orang bertaraf rendah di jalanan atau menjadi ulat bangkai'. Pada perumpamaan ini, YS II mengemukakan bantahannya kepada seorang pemimpin yang bodoh dan bertindak tanpa berfikir dalam membuat keputusan. Kemarahan tersebut diluahkan dalam bentuk perumpamaan yang menyamakan pemimpin tersebut dengan orang jalanan dan ulat bangkai. Perumpamaan seperti ini mampu memberikan gambaran perasaan penulis serta mampu memberikan penekanan-penekanan terhadap hal ehwal yang dianggap penting oleh penulis.

(iii) *nadyan oleh sayektine kecut, enak kang mateng neng uwit, upamane duren kakum, senadyan ambune wangi, rasane anyep kemawon*

Istilah di atas bererti 'pada kenyataannya berasa masam, enak yang matang di pokok, seperti durian yang direndam, walaupun baunya harum, tetapi rasanya tidak manis'. YS II menggunakan perumpamaan ini untuk memberikan nasihat bahawa segala sesuatu itu lebih baik jika berlaku secara semulajadi dan sesuai dengan kudratnya.

Kesimpulan

Penggunaan bahasa dalam naskah merupakan cerminan keterampilan seorang pujangga dalam menghasilkan suatu karya sastra. Bahasa yang tercatat baik dan indah juga menunjukkan peringkat intelektualiti seorang pengarang. Seorang pujangga istana biasanya mempunyai kemampuan untuk menggunakan bahasa Kawi sebagai bahasa indah serta pandai mengolah kata (Margana, 2004a: 130). Penggunaan bahasa dalam *serat WK* menunjukkan bahawa YS II juga merupakan pujangga yang baik. Beliau mampu mengolah kata dan menggunakan aspek-aspek sastra dalam karyanya. Kertas kerja mengenai penggunaan bahasa dalam naskah *serat WK* ini diharapkan dapat memberikan gambaran mengenai kemampuan pujangga Jawa dalam mengolah kata. Lebih elok jika kertas kerja ini dilanjutkan dengan membandingkan gaya bahasa satu pujangga dengan pujangga lain yang sezaman dengannya.

Bibliografi

- Behrend, T.E. 1990. *Katalog induk naskah-naskah Nusantara jilid 1 Museum Sonobudoyo Yogyakarta*. Jakarta: Djambatan.
- . 1995. *Serat jatiswara-struktur dan perubahan di dalam puisi Jawa 1600-1930 (terj. A. Ikram)*. Jakarta: INIS.
- Hesti L. Tata, G.W., dan Laxman Joshi. 2010. "Sistem agroforesti (pertanian hutan atau wanatani)" diakses dari <http://bebasbanjir2025.wordpress.com> pada 20 Mei 2010.
- Madu Perhutani.Com. 2008. "Madu alam murni" diakses dari <http://www.maduperhutani.com> pada 20 Mei 2010.
- Margana. 2004a. *Pujangga Jawa dan bayang-bayang kolonial*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Padmosoekotjo, S. 1953. *Ngengrengan kasusastran Djawa*. Yogyakarta: Soejadi.
- Poerwadarminta, W.J.S. 1938. *Baoesastra Djawa*. Batavia: J.B. Wolters G.
- Subalidinata, R.S. 1981. *Seluk beluk kesastraan Jawa*. Yogyakarta: Keluarga Mahasiswa Sastra Nusantara Fakultas Sastra dan Kebudayaan Universitas Gadjah Mada.
- Yasadipura II. t.th. *Kempalan serat warni-warni: Serat Ondhe Wicara Keras*. MSS. Kod. P 20 PB.A.236 Rol. 129 No. 7, Perpustakaan Muzium Sanabudaya Yogyakarta Indonesia.